



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Dr. Jamali, kongsi membesarkan 11 orang anak-anaknya

Dr. Jamali, kongsi membesarkan 11 orang anak-anaknya

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Saleha Haron

Entiti Kami

Senarai Berita (/berita)

Newsletter



Tetapan



SERDANG, 18 Jun - Ayah, abah, papa, abi, dan walid merupakan gelaran anak-anak untuk si bapa yang menggalas tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga yang sudah semestinya mempunyai peranan begitu besar dalam membina kebahagiaan sebuah keluarga.

Begitulah tanggungjawab besar yang perlu digalas oleh ayah kepada 11 orang anak penolong Pendaftar Kanan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Alumni), Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Jamali Janib, 54.

"Sepanjang pengalaman saya menjadi seorang ayah buat 11 orang anak, seorang bapa perlu menguasai semua bidang dan ilmu asas rumah tar

seperti memasak, mengemas, menguruskan rumah termasuklah ilmu menguruskan isteri selepas bersalin walaupun kita bekerja.

"Sebagai suami dan ayah perlu bijak membahagikan masa dan kena belajar serta mencuba. Anak-anak akan melihat dan mengikuti tindakan kec ibu bapanya. Oleh itu, ibu bapa perlu menjadi suri teladan yang terbaik dalam membesarkan mereka. Tanggungjawab membesarkan anak-anak digalas bersama si isteri dan tidak hanya diberi pada si ibu semata-mata.

"Kerjasama, tolak ansur, kesefahaman dan kesabaran perlu tinggi dalam diri seorang ayah dalam membesarkan anak-anak dan memastikan mer berjaya. Saya sentiasa memberi galakkan serta sokongan pada anak-anak menurut minat masing-masing yang sudah pastinya berbeza" katanya

Dr. Jamali yang juga aktif sebagai Naib Yang Di-pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah anaknya pernah merakam detik manis ap menyampaikan sendiri slip keputusan cemerlang UPSR beberapa anaknya yang memperoleh 5A dalam peperiksaan itu suatu ketika dahulu.



"Pendekatan saya pada setiap anak-anak juga berbeza kerana cara membesarkan dan mendidik anak lelaki dan perempuan sudah tentu berbeza kerana setiap manusia itu ada keunikan yang tersendiri. Jadi saya memang kena kreatif mengolah suasana ceria kerana ada anak yang suka merajuk lama, merajuk pendek, ada yang manja, ada yang melawan dan pelbagai lagi," jelasnya.

Sungguhpun memiliki anak yang ramai beliau tidak pernah culas dalam memberikan kasih-sayang yang sama pada setiap anaknya termasuklah pada anaknya yang telah berkahwin serta mementingkan didikan kerohanian dalam membentuk ikatan kekeluargaan yang kuat.

"Anak saya paling sulung berusia 29 tahun dan bongsu masih sekolah rendah iaitu darjah tiga. Tanggungjawab memberi kasih sayang itu tetap ti dilepaskan walaupun ada dua orang anak sudah berkahwin dan saya tetap adakan hari keluarga untuk bercuti, berkumpul dan meluangkan mas bersama agar anak-anak berasa seronok dan dihargai.

"Saya juga bercadang untuk membuat perjumpaan dua minggu sekali dengan anak-anak untuk membuat usrah. Jadi, yang jauh kita buat secara maya tujuannya untuk menguatkan kekuatan dalaman sebab cabaran dunia luar memang sangat kuat," katanya.




Beliau tidak pernah menganggap mempunyai anak yang ramai sebagai satu beban atau tekanan malah menganggapnya sebagai suatu nikmat rezeki yang perlu dihargai.

"Kita perlu melihat sesuatu perkara dengan positif. Kalau saya jadikan anak ramai sebagai beban, ia akan menghadkan pergerakan saya. Kerencaman adalah satu nikmat yang perlu dihargai," katanya. - UPM

Tarikh Input: 19/06/2023 | Kemaskini: 19/06/2023 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fdr_jamali_kongsi_membesarkan_11_orang_anak_anaknya-73509&title=Dr.%20Jamali%2C%20Kongsi%20Membesarkan%2011%20Orang%20Anak-anaknya%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN LUAR	PAUTAN PANTAS
<p>Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA</p> <p>+603-9769 1000</p> <p> spk@upm.edu.my</p> <p>TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM) 03-9769 7990 03-9769 7470 03-9769 1999</p>	<p>Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)</p> <p>Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)</p> <p>KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)</p> <p>Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)</p> <p>Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)</p> <p>Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)</p> <p>Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)</p> <p>Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)</p> <p>i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)</p> <p>i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)</p> <p>Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)</p>	<p>Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)</p> <p>Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)</p> <p>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)</p> <p>Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)</p> <p>Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)</p> <p>Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)</p> <p>UPM Holdings Sdn. Bhd. (https://www.upmholdings.com.my/)</p>	<p>FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)</p> <p>Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu)</p> <p>Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)</p> <p>Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai)</p> <p>Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_)</p> <p>Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)</p> <p>Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungc)</p> <p>UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/land)</p> <p>Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/2022122)</p>
<p>Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)</p> <p>Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950)</p> <p>Penafian (/footnote/penafian-29938)</p> <p>Bantuan (/footnote/bantuan-29937)</p> <p>UPM online (/footnote/upm_online-38695)</p> <p>Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)</p>	<p>© 2023 Universiti Putra Malaysia</p>	<p> AACSB ACCREDITED</p> <p> BIRAM</p>	<p>Entiti Kami</p> <p>Dokumen</p> <p>Newsletter</p> <p>Tetapan</p>
<p>LANGGAN MELALUI EMAIL <input type="text" value="Emel anda"/></p> <p>HANTAR</p>			